

Prinsip Syariah Berkaitan Prosedur Siasatan dan Pendakwaan: Khazanah Ilmu Yang Memangkin Perkembangan Perundangan Dalam Masyarakat

Syariah Principles Regarding Investigation and Prosecution Procedures: A Wealth of Knowledge Propeling Towards Legal Development in the Society

AHMAD AZAM MOHD SHARIFF & MAZUPI ABDUL RAHMAN

ABSTRAK

Islam adalah merupakan satu sistem kehidupan yang komprehensif serta berkeupayaan membimbing kehidupan manusia. Islam mengatur hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia. Kehidupan manusia diatur dan dikawalselia oleh undang-undang syariah yang wujud dalam bentuk prinsip-prinsip syariah yang wajib dipatuhi. Prinsip syariah tersebut mencakupi pelbagai aspek perundangan yang mengawalselia kehidupan sehari-hari masyarakat. Ini termasuklah aspek prosedur siasatan dan pendakwaan jenayah syariah. Di Malaysia, prosedur siasatan dan pendakwaan jenayah syariah adalah bersumberkan al Qurān dan al Sunnah serta diijtihadkan oleh para ulama' terdahulu. Malah, prosedur siasatan dan pendakwaan jenayah syariah di negara ini turut mencakupi kesemua enakmen-enakmen syariah yang digubal serta diluluskan oleh badan penggubal undang-undang antaranya enakmen prosedur jenayah syariah dan enakmen keterangan mahkamah syariah. Artikel ini akan menyorot kembali sumber-sumber serta penulisan-penulisan dalam aspek prosedur siasatan dan pendakwaan jenayah syariah. Kesemua sumber dan penulisan ini adalah amat berharga kerana ternyata menjadi rujukan serta pemangkin ke arah memperincikan lagi prinsip dan perundangan dalam bidang berkenaan di masa akan datang. Artikel ini berdiri di atas penyelidikan yang menggunakan kerangka kajian kualitatif yang bercirikan doktrinal. Kesemua maklumat dikumpul melalui kajian perpustakaan yang dianalisis melalui metod-metod analisis kandungan dan analisis kritis. Kemudiannya hasil kajian tersebut kemudiannya dicernakan dalam artikel ini. Akhir sekali, artikel ini mengutarakan peranan penting yang dimainkan oleh sumber serta penulisan yang berupaya memangkin segala perincian yang dilaksanakan berkaitan prinsip dan prosedur siasatan dan pendakwaan di masa akan datang. Ternyata sumber serta penulisan tersebut adalah merupakan suatu khazanah ilmu yang tidak ternilai untuk masyarakat.

Kata kunci: Prosedur siasatan syariah; prosedur pendakwaan syariah; al Quran; al Sunnah; kes jenayah syariah

ABSTRACT

Islam is a complete and comprehensive life system capable of guiding human's life. Islam determines the relation between man and Allah as well as among humanbeings. Man's life is determined and supervised by syariah law which is in forms of syariah principles which must be obliged. The syariah principles covers a wide range of legal aspects which supervised our daily lives. This includes aspects of investigation and prosecution procedures. In Malaysia, investigation and prosecution procedures is based on al Quran and al Sunnah and at the same time beingrefined further by the previous ulama'. In addition, investigation and prosecution procedures in Malaysia are also based on the syariah enactments enacted by the States' Legislature among them Syariah Criminal Procedure Enactments and Syariah Court Evidence Enactments. This article cast a glance at all sources and writings regarding investigation and prosecution procedures. Such sources and published writings are very much valuable as these would become references and act as catalysts towards refining future principles and provisions. This article is based on a research work

which uses qualitative and doctrinal methods. Informations are gathered through library research which are analysed through content and critical analysis methods. The research findings are then reported in this article. Last but not least, this article points at the important role played by the said sources and writings capable of propelling future refinements of syariah investigation and prosecution prosedures. Verily these sources and writings are priceless knowledges for the society.

Keywords: Syariah investigation procedures; syariah prosecution procedures; al Quran; al Sunnah; syariah criminal cases

PENGENALAN

Prinsip syariah berkaitan prosedur siasatan dan pendakwaan mempunyai asas yang kukuh dalam al-Qurān dan al-Sunnah. Ianya berdasarkan kepada konsep keadilan yang dinyatakan dalam al-Quran, al-Maidah (5: 8) yang bermaksud:

Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi yang adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kamu kerana (adil) itu lebih dekat kepada takwa.

Prinsip syariah menegaskan tertuduh yang didakwa melakukan jenayah tidak boleh disabitkan dan dihukum tanpa keterangan yang kukuh. Justeru, adalah adil sekiranya aduan terhadap suspek disiasat dengan rapi terlebih dahulu. Sekiranya siasatan berjaya memperolehi keterangan yang cukup, maka barulah suspek boleh didakwa (Rahimin 2001).

Makalah ini memberi fokus terhadap sorotan ke atas sumber-sumber serta penulisan-penulisan dalam aspek prosedur siasatan dan pendakwaan jenayah syariah. Kesemua sumber dan penulisan ini adalah amat berharga kerana ternyata ianya akan menjadi rujukan serta pemangkin ke arah memperincikan lagi prinsip dan perundangan dalam bidang berkenaan di masa akan datang.

METODOLOGI

Artikel ini berdiri di atas penyelidikan perundangan tulin yang menggunakan kerangka kajian kualitatif serta bercirikan doktrinal. Kesemua maklumat berkaitan prinsip dan prosedur berkaitan siasatan dan pendakwaan jenayah syariah telah

dikumpul melalui kajian perpustakaan. Maklumat-maklumat tersebut yang telah dikumpul melalui teks-teks al Quran dan al Sunnah, buku-buku, artikel-artikel dalam jurnal serta penyelidikan atau kertas kerja dalam aspek siasatan dan pendakwaan kemudiannya dianalisis melalui metod-metod analisis kandungan dan analisis kritis.

PRINSIP SIASATAN DARI KACAMATA AL QURAN DAN AL SUNNAH

Konsep keadilan telah mencernakan prinsip syariah berkaitan prosedur siasatan. Prinsip ini mengkehendaki siasatan dilakukan apabila aduan dibuat terhadap kesalahan jenayah syariah atau maksiat. Prinsip ini berdasarkan kepada sebuah firman Allah SWT lagi dalam al-Quran, al-Hujurat (49: 6) yang bererti:

Wahai orang yang beriman! Jika seseorang yang fasiq datang kepadamu membawa suatu berita, maka telitilah kebenarannya, agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum kerana kebodohan (kecerobohan), yang akhirnya kamu menyesali perbuatanmu.

Dalam ayat ini, kita dinasihati agar menyelidiki dan menyiasat kebenaran berita yang dibawa oleh orang fasiq sebelum mengambil sesuatu tindakan. Ini bagi mengelakkan diri dari mengambil tindakan tanpa usul periksa. Penyelidikan serta penyiasatan tersebut dilaksanakan bagi mengelakkan kita dari berlaku tidak adil ke atas seseorang jika maklumat itu tidak benar. Prinsip ini telah menjadi pencetus kepada lahirnya peruntukan undang-undang berkaitan prosedur siasatan jenayah syariah pada hari ini. Umpamanya, prosedur siasatan di Malaysia mengkehendaki pegawai penguatkuasa agama melaksanakan siasatan sebaik menerima aduan mengenai sebarang perilaku jenayah atau maksiat. Hal ini bertujuan mengumpul keterangan

yang cukup sebelum keputusan diambil sama ada hendak mendakwa suspek di mahkamah atau sebaliknya. Selain itu, perkara ini perlu bagi memastikan suspek diperlakukan secara adil dan tidak akan didakwa tanpa sebarang keterangan yang kukuh. (Rahimin 2001)

Prinsip syariah berkaitan prosedur siasatan juga mempunyai asas yang kukuh dalam al-Sunnah. Buktinya terdapat banyak hadis yang menjadi asas kepada prinsip di atas. Sebagai contohnya terdapat prinsip syariah menuntut agar siasatan dilaksanakan apabila wujudnya aduan mengenai kesalahan jenayah. Membuat aduan mengenai jenayah atau maksiat adalah berasaskan kepada hukum memberi pensaksihan dan keterangan dalam hadis. Nabi SAW pernah mengingatkan para sahabat baginda mengenai kepentingan seseorang untuk tampil memberi pensaksihan dan keterangan sebelum dipinta. Dalam Kitab Nailul Authar, sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang bererti:

Dari Zaid bin Khalid al-Juhani, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Mahukah kukhabarkan kepadamu tentang sebaik-baik saksi? Dia ialah saksi yang tampil memberi pensaksiannya sebelum diminta- Diriwayatkan oleh Ahmad, Muslim, Abu Dawud dan Ibn Majah (Mu'ammal Hamidy et al. 1987)

Pensaksihan yang disebut dalam hadis di atas bukan sahaja dihadkan kepada pensaksihan dalam perbicaraan. Malah, ianya turut meliputi pemberian maklumat atau pengaduan kepada pihak yang berkuasa mengenai berlakunya kesalahan jenayah syariah atau maksiat. Ini bererti hadis di atas turut menuntut agar seseorang itu memberikan maklumat atau membuat aduan mengenai kesalahan jenayah sebelum dipinta berbuat demikian. Ini penting untuk mencegah kemungkaran serta menegakkan keamanan dalam masyarakat (Agil 1994). Nabi SAW telah memberikan amaran kepada mereka yang sengaja membiarkan kemungkaran berleluasa (Daud 2001). Dalam Kitab Sahih Bukhary, sabdanya Rasulullah SAW yang bererti:

Dari Mu'tamir dari Humaid dari Anas RA yang berkata bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Berikanlah pertolongan kepada saudaramu samada yang sedang menzalimi mahupun yang dizalimi. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah! Adalah sedia maklum kami menolongnya sewaktu dia dalam keadaan dizalimi. Tetapi bagaimana pula caranya kami menolong orang yang sedang berbuat zalim? Baginda menjawab: Kita ambil ke atasnya kedua tangannya (al Bukhary 1993).

Para ulama' Hadis mentafsirkan bahawa maksud Rasulullah SAW menyuruh agar diambil ke atas kedua tangannya dalam hadis di atas merujuk kepada usaha untuk menasihati diri penzalim dengan cara menasihatinya. Sekiranya cara tersebut tidak berkesan, maka adalah dimestikan perbuatan beliau menzalimi mangsanya itu dilaporkan kepada pihak berkuasa (al Bukhary 1993).

Prinsip syariah berkaitan aduan, melakukan siasatan berdasarkan kepada aduan serta membicarakan serta menghukum tertuduh berdasarkan keterangan terhadapnya adalah berasaskan kepada hukum dalam hadis mengenai mencegah kemungkaran dengan menghulurkan pertolongan kepada saudara yang menzalimi mahupun yang dizalimi (Zulfakar 2001). Dalam Kitab Sahih Bukhary, sabdanya Rasulullah SAW yang bermaksud:

Dari Ubaidullah bin Abu Bakar bin Anas dan Humaid al Thawil bahawa beliau mendengar Anas bin Malik RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Berikanlah pertolongan kepada saudaramu itu, baik yang melakukan kezaliman mahupun yang dizalimi (al Bukhary 1993).

Terdapat tiga prinsip syariah berkaitan prosedur siasatan iaitu membuat aduan mengenai sesuatu jenayah, melaksanakan siasatan berdasarkan aduan yang dibuat serta membicarakan serta menghukum tertuduh berdasarkan keterangan yang dikumpul semasa siasatan. Ketiga-tiga prinsip ini amat selari dengan konsep mencegah kemungkaran yang ditekankan dalam hadis tersebut. Ini kerana ketiga-tiganya boleh dianggap sebagai suatu usaha untuk mencegah kemungkaran dan maksiat dengan menggunakan tangan atau kuasa yang sangat dituntut dalam hadis tersebut (Daud 2001, Zulfakar 2001).

Selain itu, terdapat banyak lagi contoh-contoh di zaman Rasulullah SAW yang mana beberapa prinsip syariah mengenai prosedur siasatan telah dilaksanakan oleh baginda. Malah, para sahabat Nabi pada masa itu kerap melaksanakan tangkapan ke atas suspek yang telah melakukan kesalahan jenayah syariah atau maksiat. Dalam sebuah hadis riwayat Abu Umayyah, seorang awam telah menangkap seorang pencuri serta membawanya ke hadapan Nabi SAW. Pencuri itu kemudiannya telah mengaku melakukan jenayah curi tersebut walaupun barang curi itu tiada padanya (Agil 1994). Nabi SAW juga pernah menahan seorang lelaki untuk tujuan soalsiasat sebelum lelaki tersebut dibicarakan. Dalam suatu kejadian yang

diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Nabi SAW dikatakan pernah menahan selama satu hari satu malam seorang lelaki yang dituduh melakukan pembunuhan untuk mendapatkan pernyataan darinya serta sebagai langkah berjaga-jaga (Hassan 1980, Zuhaili 2008). Selain kedua-dua insiden di atas, terdapat contoh-contoh lain bagaimana Nabi SAW serta para sahabat baginda pernah melakukan pelbagai siasatan untuk mengenalpasti akan kebenaran sesuatu kejadian jenayah yang dilaporkan dan ini jelas daripada tangkapan serta tahanan sebelum perbicaraan yang pernah dilakukan pada zaman baginda (Zuhaili 2008).

PRINSIP PENDAKWAAN DARI KACAMATA AL QURAN DAN AL SUNNAH

Dalam masa yang sama, prinsip syariah berkaitan prosedur pendakwaan juga turut berasaskan kepada konsep keadilan dalam al-Quran, al-Maidah (5:8) di atas. Ini kerana, sekiranya bukti serta keterangan yang kukuh berjaya dikumpul di peringkat siasatan sebelum itu, adalah juga menjadi suatu keadilan sekiranya tertuduh menghadapi pendakwaan di mahkamah syariah (Rahimin 2001). Ini kerana seseorang tertuduh akan tetap dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya dalam proses pendakwaan jenayah syariah. Bahkan, menurut prinsip syariah tersebut, keadilan akan dapat dicapai kerana pihak pendakwa dan tertuduh akan berpeluang menghujahkan kes masing-masing (Al Dam 1982). Pihak pendakwa akan berusaha membuktikan bahawa tertuduh telah melakukan jenayah yang dipertuduhkan. Tertuduh pula berpeluang untuk menyangkal serta menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan dengan cara mengemukakan keterangan yang menyangkal pendakwaan. Daripada konsep keadilan inilah, maka lahirnya prinsip syariah mengenai prosedur pendakwaan yang mengkehendaki tertuduh didakwa di mahkamah. (Azam 2012) Ini berasaskan kepada firman Allah SWT dalam al-Quran, al-Nisa (4: 58) yang bermaksud:

Dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia, hendaklah kamu berhukum dengan adil. Sesungguhnya Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu.

Ayat di atas menuntut manusia agar berlaku adil dalam menyelesaikan sebarang pertikaian di kalangan manusia. Pertikaian yang dimaksudkan di sini sudah tentu termasuk juga pertikaian antara pihak pendakwa dan tertuduh dalam pendakwaan kesalahan jenayah syariah (Zuhaili 1994).

Malah, prinsip syariah yang menuntut pendakwaan dilakukan ke atas tertuduh sekiranya keterangan yang dikumpul mencukupi telah membawa kepada satu lagi prinsip syariah yang lain. Menurut prinsip yang berikutnya, pihak pendakwa, dalam pendakwaannya, mesti mengemukakan keterangan untuk membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh. Pihak tertuduh pula perlu menyangkal pertuduhan dengan mengemukakan hujah dan keterangannya sendiri. Ini adalah berasaskan kepada firman Allah SWT dalam al-Quran, Maryam (19: 27-31) yang membawa maksud:

Maka Maryam membawa anak itu kepada kaumnya dengan mengendongnya. Kaumnya berkata: Wahai Maryam! Sesungguhnya kamu telah melakukan sesuatu yang amat mungkar. Wahai saudara perempuan kepada Harun! Ayahmu sekali-kali bukanlah seorang yang jahat dan ibumu bukanlah seorang penzina. Maka Maryam menunjukkan kepada anaknya. Mereka berkata: Bagaimana kami akan berbicara dengan anak kecil yang masih dalam buaian? Isa berkata: Sesungguhnya aku ini hamba Allah, dan Dia memberiku al Kitab dan Dia menjadikanku seorang nabi. Dan Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana sahaja aku berada dan Dia memerintahkan kepadaku (mendirikan) solat dan (menunaikan) zakat selama aku hidup.

Dalam ayat-ayat di atas, kaum Bani Israel telah mendakwa Maryam melakukan perbuatan yang hina dan keji sehingga melahirkan seorang anak di luar pernikahan. Maryam pula mempertahankan dirinya daripada pertuduhan yang tidak berasas itu dengan menudingkan jarinya ke arah anaknya Isa AS. Dengan kuasa Allah SWT, Nabi Isa AS yang pada ketika itu masih merupakan seorang bayi telah bertutur mengesahkan bahawa beliau adalah hamba Allah SWT yang telah diutuskan menjadi seorang Nabi serta dikurniakan pula dengan Kitab Wahyu. Kisah di atas jelas menggambarkan suatu suasana pendakwaan yang melibatkan kaum Bani Israel membuat pertuduhan melulu ke atas Maryam. Ini mengakibatkan beban pembuktian berpindah pula kepada Maryam yang menjawab pertuduhan tersebut dengan cara menunjuk ke arah anaknya (Ruzman 1993).

Prinsip syariah mengenai prosedur pendakwaan juga mempunyai asas dalam al-Sunnah. Dalam Kitab Nailul Authar, Rasulullah SAW menekankan bagaimana pentingnya bagi seorang pendakwa untuk mengemukakan keterangan terhadap tertuduh dalam sesuatu pendakwaan. Mafhum hadis Rasulullah SAW tersebut adalah seperti berikut:

Keterangan perlu dikemukakan oleh pendakwa manakala sumpah (atau penafian) dikenakan ke atas pihak tertuduh (Mu'ammal Hamidy et al. 1987)

Ada sebuah riwayat lain yang mengisahkan bagaimana Saidina Ali diutus oleh Nabi SAW ke Yaman untuk menjawat jawatan hakim walaupun usia beliau masih muda pada ketika itu. Dalam Kitab Nailul Authar, Rasulullah bersabda kepada Saidina Ali dalam suatu pesanan Baginda yang mana mafhumnya:

Dan dari Ali berkata bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Wahai Ali! Jika datang dua orang bertikai duduk di hadapanmu maka janganlah engkau menjatuhkan hukuman sehingga engkau telah mendengar hujah dan keterangan pihak kedua sama seperti engkau mendengar pihak pertama. Sebab apabila engkau berbuat begitu maka keputusan itu akan menjadi jelas bagimu (Mu'ammal Hamidy et al. 1987).

Nabi SAW sendiri pernah menggambarkan peranan seorang hakim yang mendengar hujah kedua belah pihak yang bertikai dalam sesuatu perbicaraan (Saleh 2001). Sabda Rasulullah SAW dalam Kitab Hadis Nabawi yang membawa mafhum:

Sesungguhnya aku adalah manusia, dan sesungguhnya kamu yang bertikai di hadapanku, boleh jadi sebahagian dari kamu lebih pintar berhujah daripada yang satu lagi, lalu aku membuat keputusan bagi pihaknya berdasarkan apa yang aku dengar (Saleh 2001)

Hadis-hadis di atas jelas menggambarkan proses pertikaian antara dua pihak dalam sesuatu perbicaraan. Kedua-dua pihak yang bertikai bebas mengemukakan keterangan dan hujah tidak kira samada dalam kes mal mahupun kes jenayah syariah. Dalam konteks pendakwaan jenayah syariah pula, sudah tentu ianya melibatkan pihak pendakwa dan pihak tertuduh yang masing-masing mengemukakan keterangan dan hujah untuk membuktikan dan menyangkal pertuduhan. Hakim akhirnya akan berperanan membuat penghakiman dengan mensabitkan atau membebaskan tertuduh. Maka jelaslah bahawa hadis-hadis di atas turut sama mencernakan prinsip syariah yang menuntut pendakwaan dibuat ke atas tertuduh. Dalam masa yang sama, hadis-hadis tersebut turut mencernakan satu lagi prinsip syariah mengenai prosedur pendakwaan yang mengkehendaki pihak pendakwa dan tertuduh diberikan keadilan dengan mengemukakan hujah dan kes masing-masing di sepanjang pendakwaan (Azam 2012).

PERINCIAN PRINSIP DAN PERUNDANGAN BERKAITAN PROSEDUR SIASATAN DAN PENDAKWAAN JENAYAH SYARIAH

Rentetan daripada prinsip syariah berkaitan prosedur siasatan dan pendakwaan jenayah syariah dalam al Qurān dan al Sunnah, para ulama' kemudiannya telah melakukan pelbagai ijtihād untuk memperincikan lagi segala prinsip syariah yang sedia ada (Azam 2012). Kepekaan para ulama' terhadap prosedur siasatan dan pendakwaan jenayah syariah telah terbukti sejak di zaman Khulafa Al Rasyidin lagi iaitu selepas kewafatan Nabi SAW. Walaupun perkembangannya sedikit terbatas pada zaman Khalifah Abu Bakar Al Siddiq (Ibn Qayyim 1968). Perkembangan mengenai prinsip syariah berkaitan kehakiman Islam serta prosedur siasatan dan pendakwaan selepas zamannya ternyata mula jelas. Umpamanya, pada zaman Khalifah Umar Al Khattab, prinsip syariah berkaitan prosedur siasatan mula berkembang. Institusi Hisbah diwujudkan untuk melaksanakan tugas siasatan dan tangkapan. Antara sahabat beliau yang dilantik untuk menjawat jawatan muhtasib tersebut ialah Abu Hurairah. Khalifah Umar Al Khattab sendiri pernah melakukan siasatan sebaik sahaja menerima aduan mengenai kejadian jenayah. Beliau pernah menerima aduan bahawa rumah Al Qarashi dan Al Thaqafi menjadi pusat kegiatan minum arak. Umar terus bertindak dengan membuat siasatan dengan menggeledah rumah terbabit. Hasil siasatannya mendapat terdapat minuman keras yang tersimpan. Beliau kemudiannya membakar rumah tersebut. Terbukti dari kejadian di atas, Khalifah Umar Al Khattab telah mengamalkan penggeledahan dalam siasatan beliau. Ini membuktikan bahawa prinsip syariah membenarkan penggeledahan dilakukan semasa siasatan dan ini diaplikasikan oleh beliau pada zaman pemerintahannya (Azam 2012).

Khalifah Umar juga amat menitikberatkan prinsip syariah berkaitan kehakiman Islam dan prosedur pendakwaan. Beliau pernah menulis surat kepada Abu Musa Al Asy'ari mengenai garis panduan yang harus diikuti oleh seorang hakim semasa menjalankan tugasnya. Surat yang dikenali sebagai Risalah Al Qadha atau "Perutusan Kehakiman" itu telah menyentuh prinsip syariah berkaitan kehakiman Islam dan prosedur pendakwaan jenayah syariah yang asas (Azam 2012). Kandungan surat tersebut adalah seperti berikut:

Sesungguhnya kehakiman itu adalah satu kewajipan mutlak dan sunnah yang diikuti. Fahamilah sesuatu perkara itu terlebih dahulu apabila ia dihadapkan kepadamu, sesungguhnya tidak bermanfaat bagimu sesuatu hak jika ia tidak dilaksanakan. Berlaku adil dan saksamalah kepada manusia dalam majlis perbicaraan... dengan demikian golongan mulia tidak bersifat tamak terhadap kekuranganmu dan golongan lemah tidak berputus asa di atas keadilanmu. Beban membuktikan keterangan terletak di atas pihak yang mendakwa manakala sumpah di atas pihak yang menafikan... Barangsiapa yang mendakwakan atas sesuatu hak yang hilang (tetapi belum mampu untuk membuktikannya), maka berilah tempoh tertentu baginya untuk memberi keterangan. Orang Islam (umumnya) adalah bersifat adil antara satu sama lain, kecuali mereka yang melakukan kesaksian palsu, atau dihukum dengan hukuman had, atau diragui kerana hubungan kesetiaan atau kekeluargaan (Azam 2012).

Di samping prinsip syariah berkaitan kehakiman Islam yang ditekankan, Khalifah Umar Al Khattab turut menyentuh beberapa prinsip syariah berkaitan prosedur pendakwaan (Saedon 1996) dalam suratnya iaitu:

1. Dalam sesuatu majlis kehakiman atau perbicaraan, kedua-dua pihak pendakwa dan pihak tertuduh (dalam perbicaraan jenayah) berhak untuk mengemukakan hujah dan keterangan;
2. Pihak pendakwa, dalam keadaan tertentu, boleh diberikan tempoh waktu yang khusus untuk mengemukakan hujah dan keterangannya di masa akan datang sekiranya belum mempunyai keterangan yang cukup kukuh;
3. Dalam mengemukakan saksi dalam sesuatu perbicaraan, haruslah dikemukakan saksi yang adil serta tiada tomah.

Begitu juga halnya pada masa pemerintahan Khalifah Utman Al Affan dan Khalifah Ali Abi Talib, kedua-dua mereka terus menggunakan prinsip syariah berkaitan prosedur siasatan dan pendakwaan. Malah terdapat perkembangan serta kemajuan dalam hal pentadbiran undang-undang syariah dan kehakiman Islam itu sendiri. Pernah diriwayatkan bagaimana dua pihak yang bertikai datang ke hadapan Khalifah Uthman Al Affan. Khalifah Uthman kemudiannya telah menghantar

utusan untuk memanggil Saidina Ali, Talhah, Zubair dan yang lain-lainnya. Setelah kesemua para sahabatnya hadir, Uthman telah meminta kedua-dua pihak yang bertikai mengemukakan hujah masing-masing. Setelah mendengar keterangan dari kedua belah pihak, Uthman telah bertanyakan pandangan para sahabatnya tentang hal tersebut. Sekiranya pandangan mereka bersamaan dengan pandangan beliau, beliau akan memberikan penghakiman tetapi sekiranya pandangan para sahabatnya itu berbeza, penghakiman kes akan ditangguhkan. Manakala Khalifah Ali Abi Talib pula digambarkan sebagai seorang pemerintah yang berpegang kepada prinsip keadilan. Beliau dikatakan benar-benar menjawai dengan penuh jujur dan ikhlas segala arahan yang pernah diberikan oleh Rasulullah SAW (Muniem 1965). Khalifah Ali pernah berkata yang mana mafhumnya:

Saya telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Janganlah kamu menjadikan seorang dari kedua-dua pihak yang berbalah itu sebagai tamu, dan kalau hendak menjadikan tamu, hendaklah kedua-duanya (Muniem 1965, Azam 2012).

Selepas zaman Khulafa Al Rasyidin, zaman pemerintahan Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah seterusnya menyaksikan prinsip syariah berkaitan prosedur siasatan dan pendakwaan berkembang dengan lebih pesat. Ini khususnya dapat dilihat semasa zaman keemasan Kerajaan Bani Abbasiyyah di sekitar tahun 132 Hijrah sehingga tahun 350 Hijrah. Pada ketika itu, ilmu pengetahuan telah berkembang dengan pesatnya. Ini berikutan wujudnya ramai ulama' berwibawa yang berkemampuan untuk melakukan ijtihād. Pada zaman tersebut lahirlah mazhab fiqh hasil dari proses ijtihād yang telah dilakukan dengan meluas. Institusi kehakiman Islam yang memainkan peranan yang penting dalam mentadbir keadilan dan undang-undang syariah telah berkembang dengan baik sekali. Para kadi pada zaman ini sentiasa berijtihad untuk melahirkan banyak prinsip syariah untuk menyelesaikan kes-kes yang dibicarakan. Ini sekaligus telah menyumbang kepada perkembangan pesat prinsip syariah, khususnya yang berkaitan dengan prosedur siasatan dan pendakwaan (Saedon 1996). Sunggupun begitu, zaman kedua Kerajaan Bani Abbasiyyah (tahun 351 Hijrah sehingga tahun 560 Hijrah) telah mula menyaksikan kemererosotan perkembangan prinsip syariah. Ini kerana pada zaman ini, mazhab-mazhab fiqh telah

menjadi semakin prominen dan berpengaruh. Ini seterusnya mengakibatkan penggunaan *ijtihād* di kalangan para kadi berkurangan. Malah mereka lebih selesa menggunakan prinsip mazhab yang sedia ada. Akhirnya terjadilah situasi yang mana para kadi yang bertugas akan membuat penghakiman berdasarkan prinsip syariah dari mazhab penduduk tempat kadi tersebut bertugas. Umpamanya, para kadi yang dilantik di Iraq akan memutuskan kes berdasarkan prinsip syariah dari Mazhab Hanafi, kadi yang bertugas di Syam dan Maghribi akan menggunakan prinsip syariah dari Mazhab Maliki, manakala para kadi di Mesir akan menggunakan prinsip syariah dari Mazhab Syafie (Saedon 1996; Azam 2012).

PERKEMBANGAN SERTA PENULISAN BERKAITAN SIASATAN DAN PENDAKWAAN JENAYAH SYARIAH: MENAFAAT KEPADA MASYARAKAT

Namun, ini tidak bererti perkembangan prinsip syariah mengenai prosedur siasatan dan pendakwaan jenayah syariah terus menerus lesu. Zaman-zaman selepas itu kemudiannya telah menyaksikan kebangkitan perkembangannya. Buktiya telah lahir berbagai kitab fiqh yang telah ditulis oleh para ulama' Islam dari pelbagai zaman yang menyentuh tentang prinsip-prinsip asas tersebut yang bersandarkan kepada al Qurān dan al Sunnah. Antara kitab-kitab tersebut ialah kitab-kitab fiqh berkaitan Hasyiah I'anah Al Talibin karangan Al Dimyati, Al Mudawanah Al Kubro yang dikarang oleh Malik bin Anas, Tabsirah al Hukkam karangan Ibrahim bin Ali al Maliki, Syarh Fath Al Qadir hasil karangan Ibn Humam, Hasyiah Al Dusuki Ala Al Syarh Al Kabir yang dikarang oleh Al Dusuki, serta kitab-kitab Turuq Al Hukmiyyah Fi Al Siyasah Al Syariah serta I'lām Al Muwaqqi'in yang kedua-duanya dikarang oleh Ibn Qayyim. Kesemua kitab di atas mengupas mengenai pelbagai prinsip syariah mengenai prosedur pendakwaan jenayah syariah dan keterangan Islam yang juga merupakan salah satu dari aspek pendakwaan jenayah syariah. Terdapat juga kitab lain yang membincarakan mengenai pelbagai prinsip syariah berkaitan prosedur pendakwaan jenayah syariah mahupun keterangan Islam seperti Nizam Al Qadha karangan Abdul Karim Zaidan, Kitab Adab Al Qada' oleh Ibn Abi al Dam, Nazariyyah Al Ithbat yang ditulis oleh Ahmad Fathi Bahansi, Turuq Al Ithbat Al Syar'iyyah karangan Ahmad Ibrahim Bek dan Wasail Al Ithbat fi al Syariah al Islamiyyah karangan Mustafa Al Zuhaili. Buku-

buku yang agak terbaru pula ialah *Fiqh al Qadha' wa al Da'wa a al Ithbat* dan *Al Ijra'at al Jinaiyyah al Syar'iyyah*, kedua-duanya ditulis oleh Dr. Muhammad al Zuhaili (Azam 2012).

Penulisan yang dihasilkan oleh para ulama' Islam mengenai prinsip syariah berkaitan prosedur siasatan pula ialah *Al Qadha Fi Al Islam* oleh Muhammad Salam Madhkur, *Al Ahkam Al Sultaniyyah li Al Mawardi* oleh al Mawardi, *Al Muhadzib* oleh Abi Ishaq Al Syirazi, *Al Mughni* oleh Ibn Qudamah, *Tamlīh Qudhah Al Andalus* oleh Abu Hassan bin Abdullah dan *Turuq Al Hukmiyyah Fi Al Siyasah Al Syariah* oleh Ibn Qayyim. Antara buku-buku yang agak terbaru pula ialah *Al Ijra'at al Jinaiyyah al Islamiyyah wa Tatbiquhu fi al Mamlakah al Arabiyah al Sa'udiyyah* karangan Adnan Khalid al Turkamani dan *Al Ijra'at al Jinaiyyah al Syar'iyyah*, yang ditulis oleh Dr. Muhammad al Zuhaili (Azam 2012).

Di Malaysia, terdapat banyak buku ilmiah yang ditulis oleh pelbagai penulis yang mengupas prinsip syariah berkaitan prosedur pendakwaan dan keterangan Islam. Antara buku-buku tersebut ialah Undang-Undang Melaka oleh Liaw Yock Fang, Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia yang dikarang oleh Abdullah Abu Bakar, Prinsip-prinsip Undang-Undang Keterangan Islam: Satu Pendekatan Perbandingan tulisan Abdul Rahman Mustafa, Undang-Undang Keterangan Islam yang ditulis oleh Mahmud Saedon Awang Othman, Islamic Law of Evidence yang ditulis oleh Syed Sikandar Haneef Shah serta Undang-Undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah oleh Abdul Monir Yaacob. Dalam pada itu, Sidi Ahmad Abdullah telah menulis buku yang bertajuk Pembuktian dan Keterangan: Qarinah, Ruzman Md. Noor menulis buku bertajuk Pembuktian di Mahkamah Syariah manakala Siti Zalikhah Md. Nor telah menghasilkan buku bertajuk Al Syariah: Undang-Undang Keterangan Islam (Azam 2012).

Manakala buku-buku ilmiah yang dihasilkan berkaitan prinsip syariah berkaitan prosedur siasatan kurang merujuk dengan terperinci kepada prinsip syariah yang tradisional mengenai prosedur siasatan. Malah ianya lebih mengulas mengenai prosedur siasatan jenayah syariah menurut perundangan syariah di Malaysia yang sedia ada. Buku-buku yang dimaksudkan itu ialah *Hak-Hak Tertuduh di Mahkamah Syariah* oleh Siti Zubaidah Ismail, *The Rights of Suspect and Accused under Islamic and Malaysian Laws* oleh Mohd Asyraf serta *Pendakwaan dan Penyiasatan: Konsep dan*

Amalan yang disunting oleh Abdul Monir Yaacob dan Siti Shamsiah Md Supi (Azam 2012).

Dalam pada itu, terdapat beberapa penulisan lain dalam bentuk bab dalam buku serta artikel yang menyentuh mengenai prosedur jenayah syariah di Malaysia secara am. Sebagai contoh, dalam buku bertajuk Mahkamah Syariah di Malaysia: Pencapaian dan Cabaran yang dihasilkan oleh Ahmad Hidayat Buang, Siti Zubaidah Ismail telah menyentuh isu prosedur jenayah syariah dalam bab yang bertajuk Undang-Undang Prosedur Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Penilaian. Dalam pada itu Hashim Mehat, dalam sebuah buku bertajuk Isu Syariah dan Undang-Undang Siri 5, yang dihasilkan oleh Jafril Khalil dan Abdul Basyir Mohamad, telah turut mengulas mengenai isu prosedur jenayah syariah dalam bab yang bertajuk Prosedur Jenayah di Mahkamah Syariah. Dalam masa yang sama Siti Zubaidah Ismail turut menghasilkan sebuah artikel mengenai prosedur siasatan dan pendakwaan jenayah syariah di Malaysia. Pada tahun 2007, beliau bersama-sama Muhamad Zahiri Awang Mat telah menulis sebuah artikel bertajuk “Polis Moral dan Masyarakat Sifar Jenayah: Cabaran Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jabatan Agama Islam Dalam Usaha Pencegahan Jenayah Syariah” (Azam 2012).

Ternyata penulisan-penulisan ilmu yang dihasilkan di Malaysia membuktikan bahawa perkembangan positif berkaitan prosedur siasatan dan pendakwaan serta keterangan syariah telah mula berlaku dengan agak pesat. Ini bererti prinsip-prinsip asas syariah dalam aspek-aspek tersebut telah mula diperhalusi dan dikembangkan serta dihujahkan oleh golongan ilmuan dan akademik syariah di Malaysia. Perkembangan serta penghalusan prinsip syariah tersebut dimasukkan dalam bentuk peruntukan undang-undang syariah dalam enakmen syariah berkenaan. Perkembangan serta perincian prinsip syariah berkaitan siasatan, pendakwaan dan keterangan syariah ini bolehlah dikiaskan kepada pengaplikasian undang-undang common law dan equity di Tanah Melayu suatu ketika dahulu. Sewaktu undang-undang common law dan equity mula diperkenalkan di Tanah Melayu sebelum dan sehingga ke saat Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957, pengaplikasiannya adalah mengikut acuan keadaan semasa masyarakat tempatan (Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Omar Din 2017). Hal keadaan tersebut mempunyai persamaan dengan

perkembangan dan perincian prinsip-prinsip syariah dalam bentuk penggubalan peruntukan undang-undang syariah negara yang turut melalui proses yang sama. Ini kerana di depanjang proses perkembangan dan perincian itu, prinsip serta pandangan ulama' sunni dalam isu berkaitan siasatan, pendakwaan dan keterangan syariah yang paling bersesuaian dengan keadaan masyarakat muslim Malaysia dipilih untuk dicernakan dalam bentuk perundangan syariah Malaysia.

KESIMPULAN

Rumusannya makalah ini telah menghuraikan secara terperinci mengenai sejarah perkembangan prinsip syariah. Fokus diberikan terhadap perkaitan prosedur siasatan dan pendakwaan secara tradisionalnya. Melihatkan perkembangannya di zaman Nabi SAW, zaman para ulama Islam terdahulu dan zaman kini, ternyata perkembangan tersebut adalah amat menggalakkan. Ini terbukti dengan lahirnya berbagai hasil penulisan dalam bentuk kitab dan buku berkaitan kedua-dua prosedur jenayah syariah itu. Kesemua penulisan serta sumber di atas telah menjadi khazanah ilmu bagi masyarakat Islam di negara ini. Situasi ini sudah pastinya memangkin sebarang kajian lanjut yang akan dilakukan oleh para penyelidik dalam bidang syariah berkenaan ke arah mengembangkan serta memperincikan prinsip serta peruntukan undang-undang berkaitan prosedur siasatan dan pendakwaan jenayah syariah di masa akan datang.

RUJUKAN

- Abu Hassan bin Abdullah. 1980. *Tamlīh Qudhāh Al Andalus*. Beirut: Dar Al Alaq.
- Abdul Muniem. 1965. *Tarikh al Qadha'fi al Islam*. Mesir: Matba'ah Lajnah al Bayan al Arabi.
- Ahmad Azam Mohd Shariff. 2012. Prosedur Siasatan dan Pendakwaan Kes Jenayah Syariah: Lakuna Dalam Perundangan Jenayah Syariah di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Selangor: Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi.
- Al Bukhary. 1993. *Sahih Al Bukhary*. Jil. 6. Kuala Lumpur: Victor Agencie.
- Daud bin Muhammad. 2001. Konsep Penyiasatan Di Dalam Islam. Kertas Kerja Seminar Pendakwaan di Mahkamah Syariah 23-24 Julai 2001. Kuala Lumpur: IKIM.

- Ibn Abi Al Dam. 1982. *Adab Al Qadhi*. Damsyik: Dar Al Fikr.
- Ibn Qayyim. 1968. *I'lam Al Muwaqqien An Rabb Al Alamin*. Kahirah: Maktabah Al Kulliyyah Al Azhariyyah.
- Mahmud Saedon A. Othman. 1996. *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Saleh Hj Md. @ Haji Ahmad. 2001. Al Bayyinah (Keterangan) dan Beban Pembuktian: Teori dan Amalan di Mahkamah Syariah. Kertas Kerja Seminar Pendakwaan di Mahkamah Syariah 23-24 Julai 2001. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mu'ammal Hamidy, Imron Am, Umar Fanany. 1987. *Nailul Authar: Himpunan Hadis-Hadis Hukum*. Jil. 6. Kuala Lumpur: Pustaka Al Azhar.
- Muhammad al Zuhaili. 2008. *Al Ijra'at al Jinaiyyah al Syariyyah*. Imarat al Arabiyyah al Mutahaddidah: Jamiah al Syariqah, al Syariqah.
- Muhammad Mustafa al Zuhaili. 1994. *Wasail Al Ithbat Fi Al Syariah Al Islamiyyah*. Damsyik : Dar al Bayan.
- Rahimin bin Bani. 2001. Proses tangkapan bagi kesalahan-kesalahan Syariah. Kertas Kerja Seminar Pendakwaan di Mahkamah Syariah 23-24 Julai 2001. Kuala Lumpur: IKIM.
- Ruzman Md. Noor. 1993. Qarinah sebagai keterangan dalam kes-kes hudud: Kajian terhadap kes zina. *Jurnal Syariah* 1(1): 128-129.
- Syed Agil Barakbah. 1994. Pendekatan perbandingan dalam undang-undang prosedur jenayah. Kertas Kerja Seminar Undang-Undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah 14-15 Oktober 1994. IKIM: Kuala Lumpur.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Omar Din. 2017. Islam agama bagi persekutuan: Satu kajian sejarah perundangan. *Jurnal Akademika*. 87(3): 177-193.
- Zulfakar Hj. Ramlee. 2001. Penyiasatan menurut acara jenayah syariah di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Pendakwaan di Mahkamah Syariah 23-24 Julai 2001. Kuala Lumpur: IKIM.
- Ahmad Azam Mohd. Shariff (corresponding author)
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
E-mail: aazam@ukm.edu.my
- Mazupi Abdul Rahman
Deputy Commisioner of Police
Polis Di Raja Malaysia
Bukit Aman
Kuala Lumpur
E-mail: sharifuddinsalleh1969@gmail.com

Received: 30 Ogos 2018
Accepted: 26 September 2018

